

Lahir usahawan muda

» Kerajaan **konsisten bangunkan kemudahan pinjaman**

Oleh Khairina Yasin dan
Khairunnisa Kamarudin
bhvarsiti@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kuala Lumpur: Kerajaan konsisten dalam agenda membangunkan usahawan muda dengan menyediakan kemudahan pinjaman di bawah Tabung Usahawan Siswazah dalam Bajet 2014.



Ahmad Bukhari A Rahim

Dana berjumlah RM50 juta yang menyediakan pinjaman sehingga RM500,000 dengan kadar faedah empat peratus itu dijangka menarik lebih ramai golongan belia mencebur ke bidang perniagaan dan meningkatkan penubuhan syarikat.

Bekas Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Ahmad Bukhari A Rahim, berkata dana itu membolehkan graduan mengembangkan perniagaan yang diusahakan di universiti sekali gus membuka peluang pekerjaan baru kepada orang lain.

• Varsiti 2

GLOBAL

» Pelajar UiTM buka mata di Indonesia • V7



USAHAWAN

» Pelajar USIM jual pakaian muslimah • V10

KERJAYA

» Mesti komited untuk cemerlang • V11

Rebut peluang disediakan kerajaan

● Dari muka 1

Katanya, jika sebelum ini graduan lebih menumpukan kepada pekerjaan dalam sektor awam dan swasta, kini mereka mempunyai laluan mudah untuk membuka perniagaan sendiri dengan mendapatkan dana berkenaan.

"Cabaran utama bagi perniagaan ialah modal dan jika itu ini dapat diatasi dan beban mereka diringankan menerusi dana ini, lebih banyak perniagaan dapat diusahakan oleh siswazah.


"Bagi graduan yang sudah memiliki perniagaan ketika di universiti, dana boleh dimanfaatkan bagi memacu perniagaan yang lebih baik," katanya yang turut bercita-cita mencbury perniagaan.

Sementara itu, bekas

Yang Dipertua MPP, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Wan Ahmad Hazman Wan Daud, berkata penyediaan dana perlu disokong dengan latihan keusahawanan bagi membantu graduan memanfaatkan dana.

Katanya, latihan termasuk program bimbingan dengan usahawan bagi meningkatkan kemahiran pengurusan perniagaan.

"Graduan tidak harus mempersiakan kemudahan pembiayaan ini. Rebut



peluang ini yang mampu memberi lebih pulangan lumayan kepada graduan berbanding makan gaji," katanya.

Ramai graduan mengusahakan perniagaan sendiri mendatangkan pendapatan lumayan.